



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil.
No. 54

4hb Februari 1993

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1952
(No.3 Tahun 1952)


FATWA AURAD MUHAMMADIAH PEGANGAN DARUL ARQAM

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 41(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1952, (Selangor No.3/52) Jawatankuasa Perundangan Majlis Agama Islam Selangor bagi pihak MAIS menfatwakan bahawasanya Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam adalah menyeleweng daripada akidah Islam yang sebenar dan mengelirukan masyarakat Islam seluruhnya. Butir-butir mengenai Penyelewengan Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam yang dimaksudkan adalah seperti di dalam Jadual.

JADUAL

Di antara Kekeliruan dan Penyelewengan Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam

- (i) Mendakwa bahawa 'As-Sheikh Muhammad As-Suhaimi' iaitu Guru Tarikat Muhammadiyah ada memasuki Kaabah dan menerima Aurad Muhammadiyah daripada Rasulullah S.A.W. di dalam keadaan sedar dan jaga iaitu setelah ia bermimpi bertemu Rasulullah S.A.W. dan Baginda memerintahnya supaya berbuat demikian.
- (ii) Menokok tambah ungkapan Syahadah yang memang jelas bercanggah dengan ajaran Islam dan boleh mengelirukan akidah Islamiah bagi orang awam seperti berikut:



- (iii) Dikatakan Bahawa kepercayaan dengan kelahiran Al-Mahadi itu bukan dari akidah.
- (iv) Disebutkan kepercayaan Al-Arqam tentang kematian As-Syeikh Muhammad As Suhaimi yang kononnya matinya itu pada zahir sahaja. Jasadnya yang dikebumikan di perkuburan Klang pada 21 Rejab, 1343 (1925 Masehi) ialah pada pandangan orang awam sahaja bukan jasadnya yang sebenar sebaliknya ia telah ghaib pada ketika itu dan akan lahir pada suatu masa nanti sebagai Imam Mahadi.
- (v) Kepercayaan bahawa apabila diseru nama tertentu seperti yang tersebut di dalam buku "Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan" akan mendapat pertolongan.

Keputusan Fatwa

Fakta-fakta yang telah disebut dan lain-lain lagi fakta yang terdapat dalam buku "Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam" yang tidak disebut di sini adalah berlawanan dengan Al-Quran dan hadis dan mengelirukan akidah Islam yang sebenar, maka Jawatankuasa Undang-undang Agama mengambil keputusan mengharamkan buku "Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam" oleh Ustaz Hj. Ashaari Muhammad dari dibaca, dipelajari, disimpan, dijual dan disebar.

S.S. DATO' HJ ISHAK BIN BAHAROM.
Pengerusi,
Jawatankuasa Undang-Undang Agama,
Majlis Agama Islam Selangor,
b.p.Majlis Agama Islam Selangor,
Selangor Darul Ehsan

Bertarikh 10 September 1988
[JAIS. 8014/46 Jld. I.]

(Dibentangkan di Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Darul Ehsan pada 10 September 1988 dan diarahkan supaya diterbitkan di dalam Warta Kerajaan mengikut seksyen 42(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952).